

## Rujukan lengkap Komsas Tkt. 2 - Wira Pesona Avatari



Siri ulasan novel komponen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia ini menyediakan nota rujukan dan latihan untuk keperluan pelajar dengan selengkapnya dalam bentuk yang cukup komprehensif, mantap dan sistematik. Siri ini ditulis oleh pakar-pakar bid

Penilaian: Belum di Nilai

**Harga:**

Variant price modifier: 0

Base price with tax: 0

Price with discount: 0

Salesprice with discount: RM 4.68

Harga Jualan: RM 4.68

Sales price without tax: RM 5.50

Discount: RM 0.82

Tax amount: 0

[Pertanyaan mengenai buku ini](#)

Penerangan

Novel ini mengisahkan sekumpulan remaja yang terdiri daripada anas, Aden, Aina, Pauline, Zuriani dan Anjali menyertai pertandingan Avatari Kebangsaan Kali Kesepuluh. Pertandingan itu diadakan di Pasar Raya Anggun. Sebelum menyertai pertandingan, mereka menghadapi perbagai cabaran. Antara cabaran besar yang dihadapi mereka termasuklah alatan yang diperlukan untuk menyertai pertandingan tersebut.

Mereka memerlukan sebuah computer yang canggih untuk digunakan dalam pertandingan tersebut, tetapi mereka tidak mampu membelinya kerana kosnya dianggarkan RM50,000. Masalah tersebut dapat diatasi kerana ayah Pauline, Encik Ho Shao Long sudi meminjamkan komputernya yang pernah digunakan dalam pertandingan yang sama 10 tahun lalu. Selain itu, mereka menghadapi masalah untuk membentuk pasukan kerana syarat pertandingan itu memerlukan setiap pasukan terdiri daripada lima orang. Akhirnya, mereka berjaya membentuk pasukan Zamrud II yang terdiri daripada Anas, Aina, Pauline, Kumar dan Adeen. Namun, tidak lama kemudian Kumar menarik diri. Masalah ini dapat diatasi apabila mereka bertemu dengan Anjali yang bersedia menjadi ahli pasukan mereka.

Semasa pertandingan pusingan kedua hendak bermula, mereka menghadapi masalah apabila cip komputer didapati hilang. Nasib baik, Pak Cik Tan membawa litar gentian. Adeen, mengambil cip yang ada pada litar gentian tersebut. Selepas itu, Pasukan ZAmrud II berhadapan dengan masalah lagi. Aina pula ditimpa kemalangan. Dia ditembak oleh penceroboh yang menceroboh bilik persalinan mereka ketika waktu rehat. Nasib baik, Zuriani dapat menggantikan tempat Aina. Akhirnya, pasukan Zamrud II berjaya menjadi johan dalam pertandingan tersebut.

Aina yang berada di hospital semakin sembuh. Dia mendapat khabar gembira, iaitu pasukan Zamrud II telah memenangi Pertandingan Avatari Kebangsaan Kesepuluh dan ayahnya yang hilang di Laut Andaman semasa menjalankan kajian telah ditemukan selamat.

### **Ulasan**

There are yet no reviews for this product.